

TINGKATAN 5 (KERTAS 1)

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan keistimewaan penggunaan komputer dan Internet oleh masyarakat era e-komuniti .

Huraikan pendapat anda **tentang keistimewaan penggunaan media sosial dalam kehidupan harian.** Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**

KEISTIMEWAAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL



Bahagian B

[100 markah]

[masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Zaman remaja merupakan tempoh yang sangat berharga dan perlu diisi dengan sebaik mungkin. Zaman remaja hanya datang sekali dalam seumur hidup.

Huraikan kegiatan-kegiatan bermanfaat yang perlu anda lakukan untuk mengisi zaman remaja tersebut?

2. Anda telah dipilih untuk mewakili sekolah dalam suatu pertandingan syarahan peringkat daerah anjuran Jabatan Pendidikan Negeri.

Tajuk syarahan anda ialah “Usaha-usaha Meningkatkan Kesedaran Remaja dalam Melestarikan Alam Sekitar.”

3. Ilmu pengetahuan dan kemahiran sangat penting untuk meningkatkan kualiti hidup seseorang.

Jelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh seseorang dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

4. Ramai berpendapat bahawa bekerja di luar negara lebih menguntungkan berbanding dengan bekerja di dalam negara.

Berikan komen anda.

5. Anda gemar membaca novel pada waktu senggang. Anda dapati bahawa watak utama berperanan sebagai wakil pengarang untuk menyampaikan pelbagai nilai kemanusiaan .

Jelaskan nilai-nilai kemanusiaan yang boleh dicontohi dalam kehidupan anda.

Skema Jawapan

Bahagian A.

Keistimewaan penggunaan media sosial dalam kehidupan harian.

1. Perhubungan - hubungan mesra keluarga, dan sahabat
 - bertanya khabar, masalah
 - prestasi akademik
2. Pelbagai maklumat - berita atau isu semasa dalam dan luar negara
 - isu politik, ekonomi dan sosial
3. Pengajian jarak jauh -sesuai untuk golongan yang kurang berkemampuan dan sibuk dengan urusan keluarga dan pekerjaan

Skema Jawapan Bahagian B

1. **Zaman remaja merupakan tempoh yang sangat berharga dan perlu diisi dengan sebaik mungkin . Zaman remaja hanya datang sekali dalam seumur hidup.**

Huraikan aktiviti-aktiviti bermanfaat yang perlu dilakukan oleh anda untuk mengisi zaman remaja tersebut.

Cadangan idea.

Format: Tiada

Diharapkan calon dapat menghuraikan aktiviti-aktiviti yang perlu dilakukan untuk mengisi zaman remaja.

- Membantu ibu bapa membuat kerja di rumah.
- Belajar bersungguh-sungguh hingga mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan PT3, SPM hingga universiti.
- Tidak terlibat dengan perkara yang menjejaskan maruah keluarga dan sekolah seperti dadah, mencuri dan buli.
- Terlibat dengan pelbagai aktiviti sukan, dan program sukarela.
- Berdisiplin dan taat pada perintah Tuhan.

2. **Anda telah dipilih untuk mewakili sekolah dalam suatu pertandingan syarahan peringkat daerah anjuran Jabatan Pendidikan Negeri.**

Tajuk syarahan anda ialah “Usaha-usaha meningkatkan kesedaran remaja dalam melestarikan alam sekitar.”

Cadangan idea.

Format : Syarahan

Kata aluan: pengerusi majlis, pengetua, pentadbir, para hakim dan rakan pelajar.

Kata aluan untuk memulakan perenggan isi : Hadirin yang dihormati. Rakan-rakan yang disayangi.

Calon perlu menulis kata sapaan dalam setiap perenggan. Jika calon menulis satu sahaja kata sapaan dalam keseluruhan karangan - diterima.

Penutup : mohon maaf dan terima kasih.

Diharapkan calon dapat menulis syarahan berkaitan “Usaha-usaha meningkatkan kesedaran remaja dalam melestarikan alam sekitar.”

- Peranan remaja – prihatin terhadap isu semasa, tidak leka dengan keseronokan sahaja.
- Peranan ibu bapa – sebagai suri teladan kepada anak-anak. Menasihati anak-anak untuk menjaga kebersihan rumah. Mengemas bilik.
- Peranan sekolah – Menganjurkan ceramah, pemeran di sekolah dan melaksanakan pelbagai pertandingan seperti melukis, menulis esei dan nyanyian.
- Peranan media – menerbitkan pelbagai artikel yang berkaitan alam sekitar.
- Peranan KPM–Menerapkan ilmu berkaitan alam sekitar melalui mata pelajaran Geografi, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, agama.
- Peranan kerajaan – program mencintai alam sekitar – tanam pokok, bersihkan taman, program hari tanpa plastik.

3. **Ilmu pengetahuan dan kemahiran sangat penting untuk meningkatkan kualiti hidup seseorang.**

Jelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh seseorang dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

Cadangan idea.

Format : Tiada

Diharapkan calon dapat menghuraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh seseorang dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup.

- Mesti rajin berusaha dan berdikari
- Menuntut ilmu ke peringkat yang tinggi
- Bijak mengurus masa antara kerjaya
- Sanggup berdepan dengan pelbagai cabaran.
- Menjadikan orang lain yang berjaya sebagai suri teladan dan bijak menangani masalah

4. **Ramai berpendapat bahawa bekerja di luar negara lebih menguntungkan berbanding dengan bekerja di dalam negara.**

Berikan komen anda.

Cadangan idea.

Format : Tiada

Diharapkan calon dapat menjawab tugas bekerja di luar negara lebih menguntungkan berbanding dengan bekerja di dalam negara.

Pernyataan Setuju: Bekerja di luar negara lebih menguntungkan.

- Pendapatan / gaji yang lebih lumayan.
- Melihat keindahan negara luar
- Menambah kenalan luar negara.
- Meningkatkan kemahiran dalam berbahasa (mengikut negara)
- Menambah pengalaman bekerja berkaitan budaya kerja negara lain seperti menepati masa, bekerjasama, nilai-nilai murni dan teknologi yang digunakan oleh sesebuah negara.

Pernyataan Tidak Bersetuju:

- Jauh dari keluarga. Sukar balik ke kampung jika berlaku kecemasan seperti kematian dan musibah.
- Bergantung kepada nasib. Menjadi mangsa penipuan dan pemerdagangan manusia.
- Kurang semangat patriotik terhadap negara.
- Terdedah dengan budaya kuning.
- Sukar mencari makanan halal.

5. **Anda gemar membaca novel pada waktu senggang. Anda dapati bahawa watak utama berperanan sebagai wakil pengarang untuk menyampaikan pelbagai nilai kemanusiaan .**

Jelaskan nilai-nilai kemanusiaan yang boleh dicontohi dalam kehidupan anda.

Cadangan idea.

Format : Tiada

Diharapkan calon dapat menerangkan nilai-nilai kemanusiaan yang digambarkan melalui watak utama serta boleh dicontohi dalam kehidupan.

- Nilai kasih sayang
- Nilai budi bahasa
- Nilai amanah
- Nilai baik hati

Huraian mesti disertakan dengan peristiwa yang menunjukkan nilai kemanusiaan tersebut.